NOTIS MAKLUMAN

PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

KEPADA	:	**SEMUA PEMILIK / PENGUSAHA PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT**
TARIKH NOTIS	:	**30 SEPTEMBER 2021 (DIKEMASKINI)**

PENGOPERASIAN AKTIVITI PERNIAGAAN

SILA AMBIL MAKLUM bahawa kerajaan telah melaksanakan tempoh **PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)** sebagai tindakan kawalan penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.

Individu yang telah lengkap divaksin adalah individu yang telah memenuhi kriteria berikut;
i) Bagi jenis **vaksin yang memerlukan 2 dos suntikan** (Pfizer, AstraZeneca, Sinovac, Moderna, Sinopharm) individu berkenaan mestilah telah melepasi **hari ke-14** dari tarikh suntikan dos kedua, atau
ii) Bagi jenis **vaksin yang hanya memerlukan 1 dos suntikan** (Johnson & Johnson dan CanSino) individu berkenaan mestilah telah melepasi **hari ke-28** dari tarikh suntikan.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa semua pemilik premis diwajibkan menyediakan **Kod QR MySejahtera dan Buku Rekod Kehadiran Pelanggan serta Hand Sanitizer Di Pintu Masuk Premis** dan melakukan **Proses Sanitasi** dengan kerap. Senarai aktiviti bagi semua aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** dan **TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI** di sepanjang tempoh ini adalah seperti berikut :

SENARAI AKTIVITI YANG DIBENARKAN BEROPERASI (KEBENARAN BERSYARAT / TERHAD)

Bil	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN
1	Perkhidmatan Kesihatan a) Hospital dan Klinik b) Pusat Diagnostik c) Pusat Bersalin d) Pusat Fisioterapi / Rehabilitasi e) Pusat Dialisis f) Makmal Perubatan g) Perkhidmatan Akupuntur h) Perkhidmatan Kiropraktik	Beroperasi Seperti Biasa
	i) Klinik Veterinar j) Kedai Penjagaan Haiwan dan Makanan Haiwan	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam
2	Institusi Kewangan a) Perbankan / ATM / CDM b) Insurans / Takaful c) Pasaran modal yang dilesen, didaftar atau dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia d) Kredit Komuniti/ Pengurup Wang/ Penghantar Wang	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam

	Berlesen e) Pajak Gadai f) Ar-Rahnu	
3	a) Pasar Awam Milik MPBP b) Pasar Awam Persendirian c) Pasar Borong	7.00 Pagi Hingga 2.00 Petang 7.00 Pagi Hingga 2.00 Petang 4.00 Pagi Hingga 7.00 Pagi
4	Stesen Minyak **Stesen Minyak di lebuhraya dibenarkan beroperasi sehingga 24 jam*	6.00 Pagi Hingga 12.00 Malam
5	a) Restoran b) Kedai Makan c) Medan Selera d) Gerai Makan (Berbumbung) e) Gerai Makan Milik MPBP f) Kiosk g) Gerai Makan Tepi Jalan h) Kenderaan Bersaji (Food Truck) i) Penjaja Tepi Jalan/ Penjaja Bergerak **Syarat – syarat :** 1) **Kebenaran Dine-in** hanya bagi **individu yang telah lengkap vaksinasi dan tidak bergejala** serta pelanggan mesti menunjukkan **Kad / Sijil vaksinasi Covid-19**. 2) Pasangan yang telah **lengkap vaksinasi** dibenarkan **membawa anak-anak berusia 17 tahun ke bawah** dengan syarat mematuhi protokol kesihatan umum. 3) **Menghadkan bilangan pelanggan** berada di premis pada satu-satu masa. 4) Di pintu masuk premis perniagaan perlu **memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah menerima vaksinasi lengkap dan tidak bergejala sahaja.** 5) **Pekerja** yang telah menerima **vaksin dos lengkap** dan **tidak bergejala** sahaja dibenarkan bekerja iaitu ; **40% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti adalah 60% pekerja **60% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti adalah 80% pekerja **80% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti adalah 100% pekerja	6.00 Pagi Hingga 12.00 Malam

	6) Pemilik premis perniagaan perlu memastikan **susun atur meja mengikut penjarakan** dan memastikan premis mempunyai **sistem pengudaraan (ventilation) yang baik.** 7) **Aktiviti dine-in** dengan **kapasiti 50% setiap meja** dan **penjarakan** fizikal sekurang-kurangnya **1 meter**. 8) **Digalakkan Perkhidmatan Secara Bawa Pulang, Pandu Lalu Atau Penghantaran.** 9) Perkhidmatan **park & dine tidak dibenarkan.** 10) Kebenaran Terhad Hanya Kepada **Pemegang Lesen Yang Sah** Dan Di Dalam **Kawasan Yang Dibenarkan** Sahaja. 11) **Tidak Meninggalkan Khemah/ Payung/ Peralatan Niaga Selepas Tamat Operasi Perniagaan.** 12) **Digalakkan penggunaan peralatan / bekas makanan minuman *biodegradable*** (pakai buang).	
6	Dibenarkan beroperasi **Tanpa Syarat Vaksin :** 1) Pasar Mini 2) Kedai Runcit 3) Kedai Serbaneka	6.00 Pagi Hingga 12.00 Malam
	4) Kompleks Membeli-belah 5) Pasaraya / Pasaraya Besar 6) Departmental Store 7) Kedai Dobi / Dobi Layan Diri **Pemilik Kedai Dobi Layan Diri Perlu Memastikan Sekurang-Kurangnya Seorang Pekerja Ditugaskan Bagi Memantau Perlaksanaan Pematuhan SOP Yang Ditetapkan, tiada kemudahan wifi disediakan kepada pelanggan dan tidak dibenarkan aktiviti melipat baju di premis.* 8) Pemborong Runcit 9) Kedai Gas 10) Kedai Telekomunikasi/ Menjual Telefon/ Membaiki Telefon/ Menjual Tambah Nilai (Top-up) / Aksesori 11) Kedai Farmasi dan Penjagaan Diri 12) Kedai Barangan Keagamaan/ Kedai Keranda/ Membuat Batu Nisan 13) Kedai Cermin Mata Dan Alat Optik 14) Kedai Hardware/ Kedai Aluminium/ Kedai Kaca 15) Kedai Menjual Barangan Bayi 16) Kedai Buah-Buahan 17) Kedai Input Pertanian (Baja/ Racun) 18) Kedai Komputer 19) Kedai Buku dan Alat Tulis (Termasuk perkhidmatan seperti percetakan, fotostat, penjilidan, binding dan	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam

	laminate) 20) Kedai Cuci Kenderaan 21) Kedai Barangan Elektrik	
7	Dibenarkan beroperasi **Dengan Syarat Vaksinasi Lengkap** 1) Kedai Barangan Rumah Dan Peralatan Dapur • Kedai Langsir • Kedai Kunci • Kedai Jubin • Kedai Alat Penapis Air 2) Kedai Perabot 3) Kedai Peralatan Sukan 4) Kedai Aksesori Kenderaan • Kedai Tinted Kenderaan 5) Pusat Pengedaran Dan Jualan Kenderaan 6) Kedai Pakaian, Fesyen Dan Aksesori • Kedai Jam • Kedai Kasut dan Selipar / Kedai Beg/ Stoking/ Topi • Kedai Kain • Kedai Jahit 7) Kedai Barang Kemas 8) Kedai Gunting Rambut Dan Salun Kecantikan 9) Kedai Bunga / Nurseri 10) Kedai Peralatan Outdoor (termasuk peralatan perkhemahan, memancing) 11) Galeri Perumahan 12) Kedai barang fotografi/ perkhidmatan fotografi 13) Kedai Barangan Terpakai 14) Kedai Kraftangan dan Cenderahati 15) Kedai Antik 16) Kedai Alat Permainan 17) Kedai Permaidani 18) Kedai Kandungan Kreatif/ peralatan industri kreatif 19) Kedai Kometik, penjagaan kulit dan minyak wangi 20) Kedai Tembakau 21) Syarikat Pengedali Pelancongan (Tertakluk kepada SOP Gelembung Pelancongan Domestik) 22) Kolam Memancing 23) Butik Andaman Pengantin 24) Kedai Pengiklanan / Membuat Iklan ***Pemilik premis perlu memastikan pelanggan yang ingin memasuki premis MESTI menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi Covid -19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksin lengkap.** ***Bagi ibu bapa / penjaga yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah ke premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum**.	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam

8	Pembinaan a) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal b) Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam c) Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuaters Pekerja Berpusat (CLQ) yang diluluskan d) Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G1, G2, G3 dan G4 e) Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan f) Kerja-kerja pembinaan projek kerajaan (Government Funded Project) g) Kerja-kerja penyiasatan tanah h) Perkhidmatan professional/ perunding yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi i) Perkhidmatan dalam rantaian bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi * Bagi kerja-kerja pembinaan yang tidak disenaraikan, kapasiti pengoperasian adalah bergantung kepada kadar vaksin lengkap pekerja : **40% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 60% **60% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 80% **80% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 100% * Ujian RTK Antigen ke atas pekerja perlu dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung oleh majikan. j) Syarat-syarat bagi perkhidmatan dalam rantaian bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi : • Perlu ada surat rasmi kementerian/ jabatan/ agensi yang melantik • Operasi premis bergantung kepada jumlah pesanan/ kuantiti *("based on order")* dan lokasi sebenar (sebagaimana dalam bil pesanan) • Membuat surat rasmi makluman kepada MPBP • Perkhidmatan dalam rantaian bekalan bagi kerja pembinaan yang terlibat perlu mendapat Surat Kebenaran PDRM jika merentas daerah	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam

9	Utiliti a) Air b) Tenaga	Beroperasi Seperti Biasa
10	1) Perundangan dan kehakiman 2) Guaman dan Pesuruhjaya Sumpah 3) Perkhidmatan Perakaunan 4) Pejabat Pengurusan Pemaju Perumahan 5) Pejabat Pengurusan Ejen Hartanah	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam
11	Hotel dan Homestay • Kebenaran hanya diberikan kepada individu yang telah lengkap vaksin sahaja. • Pengusaha hotel dan homestay perlu memastikan individu yang ingin memasuki premis mesti menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi Covid-19 yang membuktikan individu tersebut telah divaksin lengkap. • Penggunaan fasiliti di hotel / penginapan tidak dibenarkan : bar, pub, lounge	Beroperasi Seperti Biasa
12	a) Bengkel Kenderaan / Motosikal, Penyelenggaraan dan Alat Ganti (merangkumi perkhidmatan mengecat/ mengetuk kenderaan, menjual dan memasang cermin kenderaan) b) Bengkel air-cond c) Kedai Tayar d) Kedai Menjual Alat Tukar Ganti Untuk Jentera Pertanian Dan Industri Pertanian	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam
13	a) Infrastrutktur Telekomunikasi Dan Digital Termasuk Perkhidmatan ICT Dan Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) b) E-Dagang Dan Rantaiannya Termasuk Perkhidmatan E-Market Place, Pembayaran Digital Dan Pusat Internet Dagangan Setempat c) Pos Dan Kurier	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam
14	Pertanian, perikanan, perladangan dan komoditi : a) Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaiannya (contoh: kedai menjual baja dan racun, kilang memproses buah sawit). b) Perladangan dan komoditi serta rantaiannya (kelapa sawit, getah, lada, koko). c) Aktiviti memancing bagi tujuan sara hidup. ***Dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan di bawah Kementerian / Agensi berkaitan***	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam

15	Pusat Jagaan Berkediaman • Pusat jagaan berkediaman atau pusat rehabilitasi bagi kanak-kanak, orang kelainan upaya (oku), warga emas, wanita dan pusat jagaan pelbagai. ***Dibenarkan beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan di bawah Kementerian / Agensi berkaitan***	Beroperasi Seperti Biasa
16	Pengilangan dan Pembuatan (Kapasiti 60% pekerja) a) Aeroangkasa b) Makanan dan minuman c) Bahan pembungkusan dan percetakan berkaitan bahan makanan dan kesihatan d) Barang-barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan bahan pencuci e) Peralatan keselamatan kebakaran f) Barang-barang kesihatan dan perubatan g) Komponen bagi peranti perubatan h) Elektrikal dan elektronik (kepentingan rantaian ekonomi global) i) Minyak dan gas termasuk petrokimia dan produknya j) Mesin dan perlatan kesihatan dan makanan k) Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja l) Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir ***Bagi sektor pembuatan yang tidak disenaraikan (non-essential sektor),** kapasiti pengoperasian adalah bergantung kepada kadar vaksin lengkap pekerja. Bagi kadar vaksinasi lengkap pekerja :- **40% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 60% **60% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 80% **80% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 100% a) Ujian RTK Antigen ke atas pekerja perlu dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung oleh majikan. b) Majikan perlu membuat pengisytiharan kadar vaksinasi lengkap pekerja melalui Sistem CIMS dan mendapat kelulusan operasi yang dikeluarkan oleh Sistem CIMS. c) Aktiviti meletakkan peralatan/ mesin di dalam mod siap siaga (warm idle) 24 jam tertakluk kepada 10% kapasiti pekerja.	Beroperasi Seperti Biasa ***Perlu membuat surat permohonan rasmi kepada MPBP :** • **Lampirkan lesen perniagaan tahun 2021** • **Surat sokongan yang terkini oleh Kementerian berkaitan**

	d) Perlu mendapatkan kebenaran beroperasi oleh Kementerian yang berkaitan dan MPBP. e) Pekerja warga asing dilarang sama sekali keluar dari lingkungan asrama / kilang dan semua pekerja wajib menjalani ujian saringan Covid-19 dan memastikan pematuhan SOP diperketatkan. ***Jika Terdapat Salah Guna Kelulusan Surat Kementerian Yang Berkaitan Dan Surat Kelulusan Mpbp Serta Gagal Mematuhi Sop, Tindakan Undang-Undang Akan Diambil***	
17	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Security Services)	Beroperasi Seperti Biasa
18	a) Pengurusan sisa pepejal / pembentungan b) Perkhidmatan membeli dan menjual barangan kitar semula c) Pembersihan awam d) Pembersihan premis dan sanitasi	Beroperasi Seperti Biasa
19	a) Pengangkutan melalui darat, air dan udara ***Bukan tujuan pelancongan*** b) Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang termasuk pemunggahan dan pemindahan kargo, pemaliman, penyimpanan atau pemukalan komiditi	Beroperasi Seperti Biasa
20	Perlombongan dan Kuari a) Kapasiti pengoperasian adalah bergantung kepada kadar vaksin lengkap pekerja. Bagi kadar vaksinasi lengkap pekerja :- **60% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 80% **80% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 100% b) Ujian RTK Antigen ke atas pekerja perlu dilaksanakan setiap 2 minggu dengan kos ditanggung oleh majikan.	Beroperasi Seperti Biasa
21	Pasar Pagi, Pasar Tani dan Pasar Malam a) Perlu menghantar surat permohonan rasmi yang lengkap termasuk senarai jawatankuasa, pelan laluan keluar masuk, lantikan anggota RELA bagi kawalan kepada MPBP. b) Dengan syarat Kemudahan Kepada Penerima Vaksinasi Lengkap. c) Prosedur Operasi Standard (SOP) i. Hanya **warganegara Malaysia** yang **memiliki lesen**	Pasar Pagi dan Pasar Tani – 6.00 Pagi Hingga 11.00 Pagi Pasar Malam – 4.00 Petang Hingga 10.00 Malam

	perniagaan MPBP yang sah dibenarkan menjalankan perniagaan. ii. Peniaga di setiap pasar perlu menubuhkan **Jawatankuasa Pengurusan Bersama** dengan melantik **seorang ketua** dan **minimum empat orang ahli jawatankuasa** untuk **menyelaras pengurusan pematuhan SOP** dan sekiranya diperlukan membuat jadual penggiliran peniaga. iii. Perlu **memastikan pelanggan** yang ingin memasuki kawasan pasar **mesti menunjukkan Kad/ Sijil Digital Vaksinasi Covid-19** yang membuktikan pelanggan tersebut telah **divaksin lengkap**. iv. Peniaga perlu memakai **sarung tangan** dan **pelitup muka** ketika menjalankan perniagaan. v. Peniaga perlu memastikan **jarak** di antara gerai ke gerai **minimum 2 meter.** vi. **Lokasi** kawasan perlu **terbuka** dan **berpagar** (tali merah putih/ kuning) bagi mengawal laluan keluar masuk secara sehala. vii. Peniaga dan pengunjung diwajibkan menggunakan **aplikasi MySejahtera.** viii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan **pemeriksaan suhu badan** dan **pesanitasi tangan** disediakan di pintu masuk. ix. Peniaga makanan hanya dibenarkan menjual makanan **secara bawa pulang *(take away).*** x. Jawatankuasa Pengurusan Bersama perlu memastikan **jumlah maksimum pengunjung yang telah ditetapkan dipatuhi dalam satu tempoh masa** dan digalakkan melalui sistem nombor giliran. xi. Golongan yang berisiko **warga emas** dan **kanak-kanak** di bawah umur 12 tahun **tidak digalakkan** hadir ke pasar. xii. Satu keluarga dibenarkan hadir dengan jumlah **maksimum 2 orang pada satu masa**. Walau bagaimanapun, kehadiran **satu orang bagi satu keluarga adalah sangat digalakkan.** xiii. Jawatankuasa Pengurusan Bersama dan setiap peniaga perlu memastikan SOP yang ditetapkan dipatuhi pada setiap masa. **Kegagalan mematuhi SOP yang ditetapkan boleh menyebabkan kebenaran menjalankan perniagaan ditarik balik.**	

22	Aktiviti Sukan, Rekreasi dan Riadah **Bagi individu yang masih belum melengkapkan atau menerima vaksinasi lengkap :** i) Aktiviti sukan dan rekresi secara individu boleh dilakukan di kawasan terbuka (outdoor) termasuk taman terbuka awam dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 – 3 meter dan dilakukan dalam daerah sama. ii) Aktiviti adalah seperti joging, senaman, berbasikal, skateboarding, inline skating dan seumpamanya. **Kelonggaran aktiviti tambahan kepada individu yang telah lengkap vaksinasi :** i) Aktiviti sukan tanpa sentuhan fizikal dan bukan berkumpulan antaranya joging, senaman taichi, berbasikal, skateboarding, memancing, ekuestarian, memanah, mendaki, tenis (single), badminton (single), golf, permotoran dan seumpamanya. ii) Aktiviti perkelahan dan perkhemahan iii) Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi komersial terbuka (outdoor) dan tertutup (indoor) termasuk gymnasium, kolam renang/ premis sukan dan rekreasi air secara temujanji dengan pematuhan 50% kapasiti penggunaan kawasan dan ada kawalan penyeliaan. Penggunaan adalah dikalangan individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja. iv) Kehadiran pekerja adalah tidak melebihi 60% merangkumi pengurusan dan operasi. Penggunaan adalah dikalangan individu yang telah melengkapkan vaksinasi sahaja. v) Pasangan yang telah lengkap vaksinasi dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun ke bawah dengan syarat mematuhi protokol kesihatan umum. vi) Aktiviti dine-in di restoran atau kafe di premis seperti club house adalah dibenarkan. Operasi bilik mandi tidak dibenarkan.	6.00 Pagi Hingga 10.00 Malam
23	Industri Kreatif i. Pembangunan dan penyiaran kandungan kreatif secara rakaman atau siaran langsung. ii. Penyiaran rakaman atau siaran langsung berbentuk penyampaian maklumat dan hiburan dengan	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam

	kehadiran penonton yang lengkap vaksin dengan kapasiti 50% di ruang studio. iii. Penggambaran industri kreatif di dalam dan di luar studio kepada individu yang telah lengkap vaksin. iv. Indoor Busking kepada individu yang telah lengkap vaksin. v. Persembahan di lounge hotel kepada individu yang telah lengkap vaksin. vi. Aktiviti persembahan langsung secara seni teater, muzikal, muzik dan komedi (secara pra-daftar) dengan penonton yang telah lengkap vaksin serta kapasiti penonton 50% di ruang premis. vii. Aktiviti pameran seni di dewan pameran, muzium dan galeri seni (secara temujanji) dengan pengunjung yang telah lengkap vaksin dengan kapasiti pengunjung 50% di ruang premis. viii. Aktiviti panggung wayang dibenarkan dengan syarat pekerja dan penonton telah lengkap divaksin dengan kapasiti 50% ruang dewan tayangan pawagam.	
24	Institut Latihan Pemanduan i. Institut Memandu dibenarkan beroperasi dengan syarat pekerja, tenaga pengajar dan calon telah menerima vaksin lengkap dengan mengemukakan kad/ sijil vaksinasi Covid-19 dan kad pengenalan sebagai pembuktian. ii. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut : **40% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 60% **60% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 80% **80% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 100%	Beroperasi Seperti Biasa
25	Sektor Perjudian Berlesen a) Kelab Syarikat & Kelab Persatuan b) Agensi Nombor Ramalan (NFO) c) Kelab Lumba Kuda Di bawah Lembaga Totalisator Malaysia (TLM)	8.00 Pagi Hingga 7.00 Malam

	Syarat-syarat : i. Perlu memaparkan Lesen Perniagaan MPBP 2021, Sijil Pendaftaran MOF dan Surat Kebenaran MITI (PPN). ii. Pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut : **40% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 60% **60% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 80% **80% kadar vaksinasi lengkap** Kapasiti pengoperasian adalah 100% iii. Hanya pelanggan yang telah mendapatkan vaksinasi lengkap sahaja dibenarkan melalui semakan aplikasi MySejahtera atau kad vaksin. iv. Mengawal laluan keluar masuk pelanggan ke kompleks/ premis perniagaan. v. Semua pelanggan ahli sedia atau walk-in perlu berdaftar. vi. Menggalakkan kehadiran secara temujanji (by appoinment). vii. Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan dengan penetapan 1 orang bagi setiap 4 meter persegi ruang lantai niaga. viii. Pemilik premis wajib memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap vaksin dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis. ix. Pemilik premis perlu memaparkan jumlah pekerja yang telah menerima vaksinasi lengkap di pintu masuk. x. Rujuk Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Pencegahan dan Kawalan Covid-19 Operator Perjudian Berlesen, Kementerian Kewangan Malaysia. ***Peringatan : Premis akan diarahkan tutup jika tidak mematuhi syarat dan SOP yang ditetapkan.***	
26	Sektor Sosial / Pendidikan Tabika, Taska, Tadika, Pusat Jagaan Harian serta Pusat	8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam

	Perkembangan Minda Syarat-syarat : • Bagi anak-anak yang ibu bapanya bekerja • Perlu menerima vaksinasi lengkap • Berdaftar dengan KPM dan JPN • Mempunyai Lesen Perniagaan MPBP 2021	
27	Aktiviti SPA (termasuk perkhidmatan Manicure Pedicure), Pusat Kesihatan (Wellness) • Kebenaran Hanya Kepada **Pemegang Lesen Perniagaan MPBP Yang Sah** sahaja. • Operasi perniagaan dibenarkan kepada pengunjung dan operator yang telah lengkap vaksin. • Pekerja dan pelanggan mestilah mempunyai vaksin lengkap, bukan kes positif Covid-19,bukan kontak rapat kepada kes positif, dan tidak bergejala. • Hanya membenarkan pelanggan yang ada temu janji sahaja. Walk-in tidak dibenarkan. • Memakai sarung tangan jenis pakai buang, pelitup muka dan face shield semasa menjalankan aktiviti. • Menggantikan (termasuk sarung tangan, alas katil, atau tilam atau kerusi) dan menyuci hama peralatan (termasuk face shield) bagi setiap pekerja dan pelanggan. • Memastikan sistem pengudaraan diselenggara mengikut jadual. • Pemantauan oleh MOTAC termasuk ; • Pengusaha SPA perlu mengisyhtiharkan jumlah pekerja yang telah lengkap vaksin dan dikemukakan kepada MOTAC sebelum dibenarkan beroperasi. • Program Kendiri Pematuhan SOP terutamanya ventilasi dalam premis. • Saringan ujian pengesanan Covid-19 secara berkala ke atas pekerja.	**Berkuatkuasa 1 Oktober 2021** 8.00 Pagi Hingga 10.00 Malam

PERINGATAN : MANA-MANA JENIS / KATEGORI PERNIAGAAN YANG TIDAK DINYATAKAN SECARA JELAS DALAM NOTIS ADALAH TIDAK DIBENARKAN

SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI		
1	Aktiviti Hiburan dan Industri Kreatif	1) Kelab Malam Atau Pub 2) Kasino 3) Taman Tema, Indoor Playground, Karaoke Keluarga
2	Aktiviti Ekonomi	1) Kafe Siber / Pusat Siber 2) Pusat Snooker 3) Kedai Permainan Mesin Kanak-kanak (Token) 4) Menjual dan Mengedar Minuman Keras/ Perusahaan Minuman Keras
3	Aktiviti Sukan Dan Rekreasi	• Semua aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara berkumpulan atau bersentuhan fizikal

		• Kehadiran penonton atau penyokong ke venue sukan dan rekreasi • Penganjuran kejohanan atau pertandingan atau perlawanan tempatan dan antarabangsa kecuali pertandingan / kejohanan dalaman atau tertutup anjuran Majlis Sukan Negara (MSN) dan perlawanan liga. • Aktiviti sukan dan rekreasi yang djalankan di luar atau merentas kawasan arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa kecuali mendapat kebenaran PDRM.
4	Aktiviti Pelancongan	• Zoo, farms, akuarium, pusat edutainment, extreme, adventure, nature parks dan lain-lain • Aktiviti Pelancongan merentas daerah dan negeri. • Aktiviti Pelancongan Ke Luar Negeri Oleh Warganegara Dan Aktiviti Pelancongan Dalam Negeri Yang Melibatkan Pelancong Asing Memasuki Malaysia.
5	Lain-Lain Yang Tidak Dibenarkan	• Apa-Apa Aktiviti Yang Boleh Menyebabkan Ramai Orang Hadir Di Suatu Tempat Sehingga Menyukarkan Penjarakan Fizikal Dan Pematuhan Kepada Arahan Ketua Pengarah Kesihatan. • Lain-Lain Perkara Yang Diputuskan Oleh Kerajaan Dari Semasa Ke Semasa

PERINGATAN MEMATUHI PROTOKOL KESIHATAN UMUM

i. Semua pemilik/ pengusaha premis diminta mengikuti **langkah-langkah pembersihan (disinfeksi) menggunakan cecair pencuci dan peluntur nyahkuman** selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai seperti tombol pintu, escalator, walkator, nozzle pump, troli dan sebagainya secara kerap atau sebaik-baiknya setiap kali digunakan.

ii. Langkah-langkah **kerja pembersihan (disinfeksi) hendaklah dilaksanakan 2 atau 3 kali sehari** dalam tempoh operasi terutamanya **di kawasan umum atau guna sama** seperti lantai, lobi, lif, surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, bilik mesyuarat, dewan serbaguna dan lain-lain.

iii. Pemilik / pengusaha premis diwajibkan menyediakan kemudahan **Kod QR MySejahtera** dan menyediakan **Buku Pendaftaran Kehadiran Pelanggan dan Pekerja.**

iv. Pemilik / pengusaha premis diminta menyediakan **termometer bagi mengukur suhu badan pelanggan dan pekerja (maksima 37.5°c)** serta **hand sanitizer sebelum memasuki premis**.

v. Memantau **jarak selamat (1 meter atau lebih)** antara satu dengan yang lain sama ada **dalam kalangan pengunjung** mahupun **pekerja di kawasan premis.**

vi. **Golongan berisiko iaitu kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dan warga emas tidak digalakkan** untuk berada di tempat dan kemudahan awam kecuali bagi tujuan kecemasan, rawatan dan pendidikan.

vii. Majikan digalakkan untuk menjalankan **ujian saringan COVID-19 terhadap pekerja asing.** Keutamaan adalah **bagi sektor pembinaan dan sektor kawalan keselamatan.**

viii. **Penggunaan penandaan penjarakan sosial di lantai dan kerusi ruangan menunggu** terutamanya kawasan sesak seperti di kaunter bayaran, ruang menunggu / beratur **bagi memastikan jarak selamat minimum 1 meter.**

ix. Menggalakkan **penggunaan bahan bungkusan jenis pakai buang biodegradable.**

x. **Menggalakkan kaedah pembayaran tanpa wang tunai atau cashless (e-wallet, kad kredit dan lain-lain)** bagi premis yang mempunyai kemudahan ini terutamanya pasaraya mini, kedai runcit dan kedai serbaneka.

xi. Setiap premis perlu memaparkan **jumlah had kemasukan pelanggan pada sesuatu masa.** penggunaan nombor giliran digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu pemis.

xii. **Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani Covid-19** bagi penyediaan dan perlaksanaan tatatcara mengurus kes-kes jangkitan Covid-19.

xiii. **Menggalakkan sistem temujanji secara dalam talian / online** terhadap pelanggan yang ingin berurusan di premis dan juga **sistem pesanan serta penghantaran dalam talian** bagi mengelakkan kesesakan atau orang ramai berkumpul dalam satu lokasi yang sama dalam tempoh yang panjang.

xiv. Majikan, Pekerja, Pembekal dan Pelanggan **diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM** dari semasa ke semasa ketika berada di premis.

xv. Memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik di premis.

xvi. Melaksanakan lain-lain arahan dan tatacara operasi bagi setiap sektor yang dibenarkan dalam berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh MKN atau Kementerian / Agensi berkaitan.

xvii. Melaksanakan Langkah-Langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit Lain Yang Sesuai Mengikut Panduan Dan Saranan Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dari Semasa Ke Semasa.

Pemilik / Pengusaha Premis Perniagaan Perlu Mematuhi Arahan Ini
BERKUATKUASA SERTA MERTA SEHINGGA ADA ARAHAN SELANJUTNYA
Selaras Dengan Peruntukan Kepada Kuasa Majlis Perbandaran Batu Pahat Di Bawah Seksyen 72(1)(F), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Pemakluman Dan Arahan Ini Dikeluarkan Dari Semasa Ke Semasa Dan Akan Dipinda Jika Ada Arahan Selanjutnya Dari Pihak Kerajaan Negeri Johor. Kerjasama Dan Tindakan Tuan/Puan Dalam Perkara Ini Diucapkan Terima Kasih.

SEBARANG PERTANYAAN,
SILA HUBUNGI JABATAN PELESENAN MPBP DI TALIAN : 07-434 6940 / 2693
ATAU
WHATSAPP HOTLINE LESEN MPBP DI TALIAN : 012-319 3100 / 012-713 3100

Dengan Arahan;

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Batu Pahat